

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 10 Julai 2021 8:17
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BERITA KAMPUS



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2021 / 1 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:

TERIMA KASIH KKM, PDRM, APM DAN BARISAN HADAPAN UUM



Oleh: Samsudin Oli Mohamed

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dato' Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengucapkan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan yang membantu mengurus Pusat Kuarantin COVID-19 di Inapan Siswa SME Bank Bukit Kachi Sintok mulai 13 Jun 2021 hingga 26 Jun 2021.

Katanya staf Inapan Siswa telah mengurus rekod dan data keluar masuk pelajar yang terlibat manakala tugas lain dilakukan oleh petugas dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Daerah Kubang Pasu, Pusat Kesihatan UUM, Keselamatan UUM dan beberapa pusat tanggungjawab dan jabatan di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEP).

"Komitmen semua petugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang membabitkan urusan pengedaran makanan di blok, sanitasi, pemeriksaan kesihatan termasuk saringan swab amat dihargai oleh pihak pengurusan UUM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," ujar beliau dalam kenyataan yang dikeluarkan.

Beliau berkata sepanjang pelajar universiti ini di kuarantin mereka bukan sahaja dibekalkan dengan makanan dan minuman malah turut mendapat bekalan barangan kering dan keperluan lain melalui foodbank sehingga pusat kuarantin itu ditutup.



PKPD yang dilaksanakan di kampus UUM, Sintok Kedah mulai 13 Jun 2021 hingga 26 Jun 2021 telah ditamatkan setelah pihak kerajaan berpuashati dengan langkah pencegahan dan kawalan yang telah diuruskan dengan baik oleh pihak UUM dan agensi yang terlibat.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.